

**JOHOR PERKUKUH AGENDA KELESTARIAN MELALUI PEMBANGUNAN PUSAT
PEMEROLEHAN, PERAWATAN DAN PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL NEGERI
JOHOR (JOHOR INTEGRATED SCHEDULED WASTE HUB – JISWH)**

KOTA TINGGI, JOHOR (6 Februari 2026) – Satu detik bersejarah telah dilakar hari ini dengan Majlis Pecah Tanah Pusat Pemerolehan, Perawatan dan Pelupusan Buangan Terjadual Negeri Johor (JISWH). Majlis tersebut disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor menandakan komitmen kerajaan Negeri dalam mengimbangi kepesatan industri dengan kelestarian alam sekitar selaras dengan aspirasi Johor Maju 2030 dan agenda Johor Bersih.

Projek JISWH yang diterajui oleh Kitar Selatan Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh KPRJ Environment Sdn. Bhd. di bawah Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ) dengan kerjasama rakan strategik SJ Varied Sdn. Bhd. merupakan bukti nyata hasrat Johor untuk menjadi sebuah negeri yang lestari dan mampan.

Dalam ucapannya, Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz, Menteri Besar Johor menegaskan bahawa pembangunan negeri mesti dilaksanakan secara seimbang dan bertanggungjawab. "Hari ini bukan sekadar majlis pecah tanah. Ia adalah manifestasi komitmen Kerajaan Negeri Johor untuk memastikan kepesatan industri bergerak seiring dengan kelestarian alam sekitar. Johor mahu terus maju sebagai negeri perindustrian utama, namun dalam masa yang sama kekal bersih dan mampan untuk generasi akan datang," ujar Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz, Menteri Besar Johor.

Dengan penyeliaan ketat Jabatan Alam Sekitar (JAS), JISWH akan menjadi penanda aras bagi pengurusan sisa buangan terjadual yang selamat dan efisien, terletak strategik berhampiran Tapak Pelupusan Seelong bagi mengoptimumkan pengurusan logistik. Antara komponen utama fasiliti ini adalah loji rawatan termal, loji solidifikasi, loji rawatan fizikal dan kimia serta tapak pelupusan selamat. Dengan adanya fasiliti ini, sebahagian sisa buangan boleh dipulih dan diolah untuk digunakan semula dan selebihnya akan dilupuskan dengan selamat. Inilah masa hadapan industri Johor dalam pengurusan sisa buangan terjadual.

Pembangunan fasiliti ini amat bertepatan pada masanya, terutamanya dengan tumpuan global terhadap Johor, didorong oleh pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ). Projek JISWH akan menyediakan ekosistem yang menyokong prinsip *Environmental, Social and Governance* (ESG) yang memberikan keyakinan kepada pelabur antarabangsa bahawa Johor mempunyai infrastruktur berpiawai antarabangsa untuk menguruskan sisa industri secara sistematik dan bertanggungjawab.

JISWH ini dibangunkan bagi mengisi jurang kritikal dalam pengurusan bahan buangan terjadual, dengan sasaran pasaran merangkumi industri dan pengilang yang menghasilkan bahan buangan terjadual dengan 76 kod buangan terjadual bukan sahaja di Johor, malah turut melibatkan negeri Melaka dan Pahang sepanjang 30 tahun operasi.



JISWH juga bakal menawarkan 150 peluang pekerjaan merangkumi pelbagai peringkat kelayakan dan kemahiran khususnya untuk anak-anak Johor, sekali gus meningkatkan taraf hidup komuniti setempat. Pembinaan JISWH dijadualkan bermula pada 15 Disember 2025 dan dijangka siap pada 15 Jun 2027 dalam tempoh kurang dari dua tahun.

Yang Berhormat Dato' Lukman bin Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ) berkata, pembangunan JISWH mencerminkan hala tuju strategik KPRJ dalam menjana pulangan jangka panjang yang mampan kepada KPRJ. "JISWH adalah pelaburan strategik jangka masa panjang KPRJ yang bukan sahaja menyokong keperluan industri Johor, tetapi turut memperkukuh agenda kelestarian negeri. Projek ini membuktikan bahawa syarikat milik Kerajaan Negeri Johor mampu membangunkan dan mengurus fasiliti pengurusan sisa buangan terjadual yang memberi nilai ekonomi dan alam sekitar secara serentak," katanya.

Sementara itu, Encik Shashithran Raman, Ketua Pegawai Eksekutif SJ Varied Sdn. Bhd. menegaskan bahawa kerjasama strategik ini menggabungkan kepakaran teknikal dan pengalaman operasi yang luas dalam pengurusan sisa buangan terjadual. "Kami komited dalam memastikan JISWH beroperasi mengikut piawaian alam sekitar yang ketat dan amalan terbaik antarabangsa. Fasiliti ini akan menjadi penanda aras baharu dalam pengurusan sisa industri yang selamat, bersepadu dan berteknologi tinggi," ujar Encik Shashithran Raman, Ketua Pegawai Eksekutif SJ Varied Sdn. Bhd.

###

Mengenai Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ)

Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ), yang ditubuhkan pada 8 November 1995, ialah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Johor. Sejak itu, KPRJ telah berkembang menjadi antara pemacu utama pembangunan negeri dengan penglibatan dalam pelbagai projek merangkumi pembinaan & kejuruteraan, pengurusan aset dan hartanah, digital, pelaburan serta alam sekitar.

KPRJ beraspirasi menjadi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Johor yang terunggul, bukan sahaja dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Fokus utamanya adalah untuk kekal relevan, kukuh dari segi kewangan, menjana pulangan mampan serta membina budaya berasaskan integriti, inovasi, kerja berpasukan, kepimpinan dan keusahawanan. Dipandu oleh nilai-nilai ini, KPRJ terus memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa hadapan Johor.

Mengenai SJ Varied Sdn. Bhd.

SJ Varied Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat tempatan yang ditubuhkan pada tahun 2003 dan telah mempunyai pelbagai rekod prestasi yang cemerlang meliputi bidang pengurusan aset berteknologi maju dan juga di dalam pengurusan kepelbagaian sisa buangan di negeri Johor secara menyeluruh. Selain itu, perkhidmatan yang ditawarkan oleh SJ Varied Sdn. Bhd. Merangkumi pengurusan barangan lusuh dan lebihan (Scrap and Surplus Management), pemulihan aset dan pelaburan (Asset and Investment Recovery), kerja-kerja nyah-operasi fasiliti (Decommissioning), perobohan struktur (Demolition), pengurusan sisa pepejal, pengurusan tapak pelupusan sampah, serta pengurusan barangan buangan terjadual selaras dengan keperluan teknologi terkini yang selari dengan pematuhan perundangan di Malaysia.

Kerjasama strategik ini bersama Kitar Selatan Sdn. Bhd. bakal memberi impak serta anjakan yang menyeluruh kepada SJ Varied Sdn. Bhd. sebagai antara peneraju terbesar di dalam pengurusan buangan terjadual secara mampan di Malaysia pada masa akan datang.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Ierni Suriani Ahsim Komunikasi Korporat Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. +6019 7001199 ierni@kprj.com.my	'Ainul 'Aziem Rahim Komunikasi Korporat Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd +6014 7194418 ainul.aziem@kprj.com.my
---	--